

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **TUAN SU KEONG SIONG**
KAWASAN : **IPOH TIMUR**
NO. SOALAN : **488**

YB TUAN SU KEONG SIONG minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan definisi dan kategori kenderaan EEV (*Energy Efficient Vehicle*) di Malaysia dalam konsep Dasar Automotif Nasional Malaysia. Apakah langkah-langkah ataupun insentif yang diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan penggunaan EEV di Malaysia.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan amalan antarabangsa, EEV ditakrifkan sebagai kenderaan yang memenuhi spesifikasi yang ditetapkan bagi penggunaan bahan bakar secara lebih efisien dan pelepasan bahan asap. Kenderaan EEV adalah termasuk kenderaan konvensional bertenaga efisien, hibrid, kenderaan elektrik (EV) and kenderaan bahan bakar alternatif seperti *Compressed Natural Gas*, *Liquefied Petroleum Gas (LPG)*, Biodiesel, Etanol, Hidrogen dan *Fuel Cell*.

Di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014, Kerajaan telah mensasarkan Malaysia dibangunkan sebagai hab serantau bagi segmen kenderaan EEV melalui pelaburan strategik dan adaptasi teknologi tinggi oleh syarikat-syarikat automotif untuk pasaran tempatan, serantau dan antarabangsa menjelang tahun 2020.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Kerajaan telah menggariskan beberapa langkah strategik di bawah teras pelaburan NAP 2014, antaranya:

- i. pemberian Lesen Pengilang bagi kenderaan dalam kategori EEV bagi semua segmen kenderaan; dan
- ii. pemberian insentif istimewa (*customized incentives*) antaranya melalui pengecualian duti import dan eksais, geran R&D dan latihan, pengurangan cukai dan sebagainya bagi menarik pelaburan strategik dalam kategori kenderaan EEV dan elemen-elemen strategik utama supaya ekosistem automotif sedia ada dapat dipertingkatkan ke tahap lebih tinggi. Antara elemen strategik utama adalah enjin, transmisi dan sistem kawalan, set dai dan acuan (*die and mould*), acuan aluminium dan *non-ferrous*.

Namun demikian, buat masa ini tiada insentif khusus diberikan kepada pengguna untuk membeli dan mengguna kenderaan EEV tempatan. Walau bagaimanapun, diharapkan dengan pemberian insentif-insentif kepada pengilang dalam mengeluarkan kenderaan EEV, secara tidak langsung dapat membolehkan para pengguna membeli kenderaan EEV dengan harga yang lebih murah.